

## Memorandum

Bangunan Canselori  
(Chancellory Building)  
11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel : 04-6533888  
www.usm.my

No. Ruj. : USM. 53/26

Tarikh : 17 November 2025

Kepada : Semua Staf  
Universiti Sains Malaysia (USM)

### HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 58 TAHUN 2025

#### - PENAMBAHBAIKAN FUNGSI MEREKOD KEHADIRAN BERTUGAS (CLOCK-IN) BERTEMPOH MENERUSI SISTEM KEHADIRAN KERJA FLEKSI (SKKF)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, pihak Universiti telah menambah baik Sistem Kehadiran Kerja Fleksi (SKKF) dengan butiran penambahbaikannya seperti berikut :-

- i. Kemudahan merekod kehadiran bertugas (*clock-in*) secara bertempoh bagi staf yang bekerja di luar stesen termasuk bekerja di lapangan.
- ii. Kemudahan mengemaskini kehadiran bertugas secara bertempoh sekiranya terdapat pindaan jenis kehadiran bertugas dan tarikh bekerja di luar stesen/bekerja di lapangan.

3. Untuk perhatian tuan/puan, dua (2) kemudahan baharu ini telah pun diaktifkan dalam SKKF dan tuan/puan sudah boleh mengguna pakainya, jika berkenaan. Butiran penambahbaikan ini juga telah dikemaskini dalam '**Manual Pengguna SKKF**' yang boleh dirujuk dan dimuat turut setelah tuan/puan mengakses menu '**SKKF**' di portal '*Campus Online*' USM.


4. Perhatian dan kerjasama tuan/puan dalam perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)

Pendaftar

s.k. Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Penasihat Undang-Undang